

**KESAN PENGGUNAAN MUZIK POPULAR
TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN
MENDENGAR PELAJAR DALAM
PEMBELAJARAN MELODI**

ABDUL LATTIF BIN POLI

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**

**KESAN PENGGUNAAN MUZIK POPULAR TERHADAP
PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENDENGAR PELAJAR
DALAM PEMBELAJARAN MELODI**

ABDUL LATTIF BIN POLI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**

PENGAKUAN

Bahawanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah dicatatkan sumbernya.

Date : 14.07. 2009

.....
(ABDUL LATTIF BIN POLI)

M20072000714

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and Summaries which have been duly acknowledge.

Date : 14.07.2009

.....

(ABDUL LATTIF BIN POLI)

M20072000714

PENGHARGAAN

Segala puji hanya bagi Allah. Selawat dan salam kepada para nabi dan rasul. Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan penulisan laporan penyelidikan ini yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Budi mereka yang sangat mulia itu hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya, Dr. Mohd. Hassan Abdullah dan YM. Raja Azuan Nahar Raja Adnan, kerana memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang amat berharga dari awal sehinggalah kajian ini disempurnakan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institut Perguruan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat ini. Tidak lupa, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain di UPSI yang telah memberi bantuan, nasihat dan bimbingan menganalisis data sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan Selangor serta Pengetua SMK. Methodist, SMK. Tapah, Perak dan SMK. Ampang Pecah, Selangor kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sekolah. Seterusnya kepada guru penolong kanan serta guru-guru muzik di sekolah yang terlibat yang banyak membantu saya sepanjang menjalankan kajian. . Kepada pelajar-pelajar yang telah menjadi sampel kajian ilmiah ini, terima kasih, kerjasama anda amat saya hargai.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ayah saya, Hj. Poli Bin Ali kerana sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya. Tidak lupa kepada isteri tercinta, Puan Dayang Norhayati Abag. Zaidel yang banyak memberi semangat dan dorongan serta sentiasa bersabar menghadapi apa jua keadaan. Sekalung budi, sejangkit kasih serta galakkan kepada anak-anak Muhd. Farhan, Mohd. Faizzulhelmi, Mohd. Farouqazad, Mohd. Fadhullah Azfar dan Nurul Fatin Syazwani yang sentiasa memahami kesibukan bapanya dan telah banyak mengorbankan keselesaan hidup dan terpaksa bersabar sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Akhir kata , adalah menjadi harapan saya agar kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada pengkaji seterusnya dan akan menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan satu hari kelak.

KESAN PENGGUNAAN MUZIK POPULAR TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENDENGAR PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN MELODI

ABSTRAK

Muzik adalah satu seni aural yang memerlukan penguasaan pelajar terhadap kemahiran mendengar yang melibatkan aspek persepsi, fungsi otak, memori, kefahaman, membanding beza, membuat keputusan dan menilai. Oleh itu, memilih media pengajaran yang sesuai seperti penggunaan lagu, akan dapat menggalakkan minat pelajar dalam pembelajaran muzik khususnya yang melibatkan kemahiran mendengar. Beberapa kajian lepas mendapati, penggunaan muzik popular boleh membantu merangsang pembelajaran pelajar kerana ia rapat dengan kehidupan harian mereka. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk memanfaatkan dan mengkaji kesan penggunaan muzik popular berbanding lagu di sarankan dalam program KBSM terhadap pencapaian kemahiran mendengar pelajar dalam pembelajaran melodi dari aspek kontur dan jeda. Selain itu, ia juga mengkaji perbezaan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca berdasarkan jantina dan kaum. Akhir sekali, mengkaji hubungan antara pencapaian dengan latar belakang pendapatan keluarga serta aspek sikap, minat dan penilaian mereka terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan muzik popular. Seramai 36 orang pelajar yang mengikuti kelas Pendidikan Muzik Tingkatan Dua di SMK. Tanjong Malim Perak, telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk Eksperimental kumpulan kawalan Ujian Pasca sahaja. Walau apa pun ujian pra juga digunakan oleh pengkaji hanya sebagai asas untuk mengagihkan pelajar secara seimbang menggunakan kaedah padanan dan rawak. Data kajian ini seterusnya dianalisis menggunakan 3 jenis ujian statistik iaitu Ujian t sample tidak bersandar, *One Way Anova* dan analisis korelasi model *Pearson*. Hasil analisis mendapati, pencapaian kumpulan rawatan yang menggunakan muzik popular adalah lebih baik dan berbeza secara signifikan berbanding kumpulan kawalan yang menggunakan lagu-lagu yang disarankan dalam program KBSM. Analisis perbezaan dalam pencapaian kumpulan rawatan yang menggunakan muzik popular berdasarkan jantina dan kaum pula adalah tidak signifikan. Akhir sekali, analisis korelasi untuk melihat pencapaian pelajar yang menggunakan muzik popular dengan latar belakang pendapatan keluarga, aspek sikap, minat dan aspek penilaian mereka terhadap pembelajaran adalah signifikan. Sebagai kesimpulannya kajian ini mendapati pencapaian pelajar-pelajar yang menggunakan muzik popular dalam pembelajaran kemahiran mendengar melodi dari aspek kontur dan jeda adalah lebih baik daripada pelajar-pelajar yang menggunakan lagu yang disarankan dalam program KBSM.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

THE EFFECTS OF USING POPULAR MUSIC TOWARDS STUDENTS' ACHIEVEMENT ON LISTERNING SKILL IN THE LEARNING OF MELODY

ABSTRACT

Music as an aural art which cannot be used effectively without well-developed listening skills relating to perception, cognition, memory, understanding, discrimination, judgement and valuing. Thus, selecting suitable media for teaching, such as appropriate songs can help in increasing students' interests and improving their listening skills in music lessons. Previous research proved that students have high interests in popular music. This research was conducted to utilize and examine the effects of using popular music towards students' listening skills achievement in melody specifically contour and range. The main objective of this study was to compare student's achievement in posttest between treatment group which used popular music with students in control group which used songs recommended in KBSM. This study also aimed to examine the effect of background specifically gender and race towards achievement in using popular music. Finally, this study investigated the correlation between students achievement with of parents incomes, students', interests and their evaluation on popular music due to melody class lesson. A total of 36 students who were studying music ducation in SMK. Methodist Tanjung Malim, Perak participated in the study. This study had employed experimental design which involved post tests only. The randomized blocking design was used in this experimental design. A pretest was conducted to equally divide the participants into the treatment and control group. Data on the research were analysed using Independent Sample T-test, One Way Anova and correlation. Results showed that, the treatment group is improved significantly as compared to the control group. However the result of the treatment group posttest based on genders and races was not significant. Correlation test between treatment group posttests achievement score on parents incomes, attitudes, interests and students evaluation on music lessons showed significant relationship between the variables. As a conclusion this study found that students who used popular music achieved better results in listening skills specifically on contour and range of melody as compared to students who used KBSM songs.

KANDUNGAN

Muka surat

Pengakuan	ii
Penghargaan	iv
Abstrak dalam Bahasa Melayu	v
Abstrak dalam Bahasa Inggeris	vi
Kandungan	vii
Lampiran	x
Senarai Jadual	xii
Senarai rajah	xv
Senarai singkatan/istilah	xvi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Soalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Definisi Istilah	14
1.9	Definisi Operasi	16
1.10	Kesignifikanan Kajian	19
1.11	Batasan Kajian	20
1.12	Pemboleh ubah kajian	22
1.13	Rumusan	23

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Kerangka Konsep	25
2.3	Pengajaran Muzik Menggunakan Muzik Popular	26
2.3.1	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	27

2.3.2	Bahan pengajaran dan pembelajaran	30
2.3.3	Muzik popular	34
2.3.3.1	Konsep dan pendapat mengenai muzik popular	34
2.3.3.2	Perkembangan muzik popular	37
2.3.3.3	Muzik popular Melayu	40
2.3.4	Kajian tentang muzik popular dalam pendidikan	42
2.4	Pembelajaran kemahiran mendengar melodi menggunakan muzik popular	46
2.4.1	Pembelajaran aspek kontur dan jeda	46
2.4.2	Kemahiran mendengar	48
2.4.3	Muzik popular dan pengajaran kemahiran mendengar aspek kontur dan jeda	50
2.5	Rumusan literatur	50

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka bentuk kajian	53
3.3	Lokasi kajian	57
3.4	Subjek kajian	57
3.5	Kaedah pensampelan	58
3.6	Kaedah pengumpulan data	60
3.7	Prosedur membina bahan rawatan	61
3.8	Pengesahan pakar	64
3.9	Instrumen kajian	65
3.9.1	Ujian kemahiran mendengar	65
3.9.2	Soal selidik	66
3.10	Penjelasan kaedah pelaksanaan pengajaran	68
3.11	Analisis data	70
3.11.1	Analisis kajian rintis	70
3.11.2	Analisis kajian sebenar	70

3.12	Jadual kerja menjalankan kajian	74
3.13	Rumusan	75

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	76
4.2	Dapatan kajian rintis	77
4.3	Dapatan kajian sebenar	81
4.3.1	Data latar belakang responden kajian	82
4.3.2	Analisis hipotesis nol	84
4.3.2.1	Analisis hipotesis nol 1	84
4.3.2.2	Analisis hipotesis nol 2	86
4.3.2.3	Analisis hipotesis nol 3	87
4.3.2.4	Analisis hipotesis nol 4	88
4.3.2.5	Analisis hipotesis nol 5	89
4.3.2.6	Analisis hipotesis nol 6	90
4.3.2.7	Analisis hipotesis nol 7	91
4.4	Rumusan	93

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Sepintas lalu	96
5.3	Perbincangan dan implikasi	98
5.4	Cadangan dan kajian lanjutan	108
5.5	Kesimpulan	111

RUJUKAN		112
----------------	--	-----

LAMPIRAN

Lampiran A	Instrumen ujian kemahiran mendengar aspek kontur dan jeda .	121
Lampiran B1	Rancangan pengajaran harian dan bahan pengajaran kumpulan rawatan	125
Lampiran B2	Rancangan pengajaran harian dan bahan pengajaran kumpulan rawatan	157
Lampiran C	Soal selidik sikap, minat dan penilaian elajar terhadap pembelajaran menggunakan muzik popular	188
Lampiran D1	Tinjauan tentang pilihan lagu oleh pelajar	196
Lampiran D2	Analisis ujian rintis kebolehppercayaan bagi item ujian kemahiran mendengar	197
Lampiran D3a	Hasil ujian rintis dan analisis kebolehppercayaan bagi item soal selidik sikap	198
Lampiran D3b	Hasil ujian rintis dan analisis kebolehppercayaan bagi item soal selidik minat	199
Lampiran D3c	Hasil ujian rintis dan analisis kebolehppercayaan bagi item soal selidik penilaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran	200
Lampiran D4a	Analisis dapatan hubungan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran bagi setiap item soal Selidik	201
Lampiran D4b	Analisis dapatan hubungan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dengan minat pelajar terhadap pembelajaran bagi setiap item soal selidik	203
Lampiran D4c	Analisis dapatan hubungan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dengan penilaian pelajar terhadap pembelajaran bagi setiap item soal selidik	205

Lampiran D5a	Graf tentang hubungan antara pencapaian dan pendapatan keluarga	206
Lampiran D5b	Graf tentang hubungan antara pencapaian dengan aspek sikap	207
Lampiran D5c	Graf tentang hubungan antara pencapaian dan aspek minat	208
Lampiran D5d	Graf tentang hubungan antara pencapaian dan penilaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran	209
Lampiran E1	Data primer hasil ujian rintis Item soalan ujian kemahiran mendengar	210
Lampiran E2	Data primer ujian pasca kumpulan rawatan dan kawalan bagi kajian rintis	211
Lampiran E3	Data primer hasil ujian rintis soal selidik sikap	212
Lampiran E4	Data primer hasil ujian rintis soal selidik minat	213
Lampiran E5	Data primer hasil ujian rintis soal selidik Penilaian pelajar terhadap pembelajaran	214
Lampiran E6	Data primer ujian pasca kumpulan rawatan dan kawalan bagi kajian sebenar	215
Lampiran E7	Data primer soal selidik sikap bagi kajian sebenar	216
Lampiran E8	Data primer soal selidik minat bagi kajian sebenar	217
Lampiran E9	Data primer soal selidik penilaian pelajar Terhadap pembelajaran bagi kajian sebenar	218
Lampiran E10	Data primer ujian pra bagi mengagih pelajar ke kumpulan kajian, SMK Tapah	219
Lampiran E11	Data primer ujian pra bagi mengagih pelajar ke kumpulan kajian, SMK Methodist	220
Lampiran F	Dokumen-dokumen kajian	221
Bahan Audio	Bahan -Ujian kemahiran mendengar	
	Bahan -Bahan Sesi Pengajaran	

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka surat
2.1	Dapatan analisis deskriptif muzik pilihan pelajar	43
3.1	Rekabentuk eksperimen kumpulan kawalan ujian pasca sahaja	54
3.2	Agihan pelajar melalui kaedah padanan subjek	55
3.3	Senarai lagu muzik popular untuk pengajaran	59
3.4	Sterategi pengajaran kemahiran mendengar aspek kontur menggunakan muzik popular Melayu.	63
3.5	Strategi pengajaran kemahiran mendengar aspek jeda menggunakan muzik popular Melayu	64
3.6	Pelaksanaan kandungan pengajaran	68
3.7	Jadual sesi pengajaran bagi kumpulan yang dikaji	69
3.8	Panduan mentaksir kebolehppercayaan instrumen dari segi kebolehppercayaan	70
3.9	Ringkasan aspek kajian dan alat analisis statistik	70
3.10	Jadual kerja pelaksanaan penyelidikan	74
4.1	Data berkaitan dengan jantina responden yang dikaji	78
4.2	Data berkaitan dengan latar belakang kaum bagi pelajar yang dikaji	78
4.3	Analisis kajian rintis perbandingan min kumpulan rawatan dan kawalan setelah ujian pra	79

4.4	Analisis kajian rintis perbezaan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi ujian statistik Ujian t sampel tak bersandar	80
4.5	Data deskriptif mengenai latar belakang jantina responden	82
4.6	Data deskriptif mengenai latar belakang kaum responden	83
4.7	Analisis perbandingan min setelah agihan sampel menggunakan kaedah padanan dan rawak untuk ujian rintis	83
4.8	Analisis perbezaan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dan kawalan menggunakan ujian statistik Ujian t sampel tak bersandar	85
4.9	Analisis perbezaan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan berdasarkan jantina menggunakan alat statistik <i>One Way Anova</i>	86
4.10	Analisis diskriptif bagi markah pencapaian ujian pasca kemahiran kumpulan rawatan berdasarkan kaum	87
4.11	Analisis perbezaan pencapaian kumpulan rawatan berdasarkan kaum menggunakan ujian statistik <i>One Way Anova</i>	88
4.12	Analisis hubungan latar belakang pendapatan keluarga dengan pencapaian ujian pasca kemahiran mendengar pelajar kumpulan rawatan	89

- 4.13 Analisis hubungan aspek sikap pelajar menggunakan muzik popular dengan pencapaian ujian pasca kemahiran mendengar 90
- 4.14 Analisis hubungan aspek minat pelajar menggunakan muzik popular dengan pencapaian ujian pasca kemahiran mendengar 91
- 4.15 Analisis hubungan aspek penilaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan muzik popular dengan pencapaian ujian pasca kemahiran mendengar 92
- 4.16 Rumusan Pengujian Hipotesis 93



SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Muka surat
2.2	Kerangka konsep kajian	26
3.1	Carta alir pelaksanaan kajian yang melibatkan ujian pra bagi memilih sampel secara seimbang melalui kaedah padanan dan rawak (<i>Randomized block design</i>).	55

ISTILAH / SINGKATAN**KBSM****Kurikulum Baru Sekolah Rendah****SMK****Sekolah Menengah Kebangsaan****KPM****Kementerian Pelajaran Malaysia**

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemampuan pelajar menguasai kemahiran mendengar dalam pembelajaran muzik masih lagi terbatas. Oleh itu, guru perlu berusaha membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran ini kerana, ia dapat membantu mereka memahami ciri-ciri sesuatu muzik. Kemahiran ini sukar dikuasai kerana ia melibatkan proses kognitif yang kompleks dan memerlukan usaha dan juga tumpuan yang tinggi. Jika kemahiran ini dibina di peringkat awal ia dapat membantu memperkembangkan pengetahuan konsep dan kemahiran muzik dalam kalangan pelajar. Pelbagai strategi boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar pelajar dalam pembelajaran muzik, seperti penggunaan bahan lagu. Clayton, Herbert dan Middleton (2000) menyatakan bahawa muzik popular adalah genre muzik yang rapat dengan kehidupan seharian masyarakat masa kini kerana peranan media massa dan teknologi.

Perubahan ini telah memberi impak kepada perkembangan pendidikan muzik di

negara kita. Seseorang guru boleh menggunakan ciri-ciri melodi atau membina sendiri kaunter melodi atau pelbagai aktiviti yang dapat memudahkan pelajar menguasai kemahiran mendengar dalam pembelajaran muzik. Sukatan pelajaran Pendidikan Muzik bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah menekankan bahawa, pembelajaran muzik mestilah diajar konteksnya melalui aplikasi lagu. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan muzik popular sebagai bahan eksperimen atau pemboleh ubah bebas untuk melihat kesan ianya terhadap peningkatan kemahiran mendengar pelajar terhadap pembelajaran aspek kontur dan jeda.

1.2 Latar belakang kajian

Fokus Sukatan Pelajaran KBSM adalah untuk memastikan pelajar menguasai aspek produk atau *output* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Misalnya, pengetahuan tentang elemen muzik dan pengalaman persembahan adalah merupakan bahan input kepada minda pelajar (KPM, 2003). Sungguhpun sukatan pelajaran KBSM menengah rendah membentangkan isi kandungan pelajaran dalam empat aspek berasingan, susunan aspek-aspek tersebut bukanlah mengikut susunan yang telah ditetapkan. Aspek-aspek berkenaan adalah *inter-supportive* dalam proses menerima maklumat, mengekalkannya dan mengguna maklumat dalam penghasilan produk. Oleh yang demikian pelaksanaan sebenarnya haruslah secara berintegrasi.

Antara objektif yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran pendidikan muzik sekolah menengah rendah tingkatan dua adalah untuk memastikan pelajar memahami konsep muzik. Kefahaman ini perlulah ditunjukkan melalui aktiviti yang berbentuk teori atau amali (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, 2003). Antara objektif yang terkandung dalam sukatan ini adalah :

mengenal pasti, memahami, dan menanggapi idea yang berkaitan dengan elemen muzik. Mempraktikkan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman tersebut dalam aktiviti membaca, menulis dan mengapresiasi muzik (m.s. vi).

Sebelum pelajar dapat menguasai kemahiran teori atau amali, aspek penting yang perlu dikuasai adalah kemahiran mendengar, sebab muzik adalah bunyi. Mendengar adalah kemahiran asas yang perlu dibina dan ditingkatkan di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti mendengar secara aktif hendaklah menjadi tunggak kepada penguasaan pengetahuan muzik dan membina kemahiran muzik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Green (2004) menyatakan, bahawa, mendengar merupakan kaedah penting yang digunakan oleh pemuzik popular dalam mempelajari muzik. Mereka boleh menjadi pemuzik yang berkebolehan tanpa melalui pendidikan yang formal.

Pembelajaran muzik di sekolah sehingga sekarang banyak menggunakan bahan lagu yang disediakan oleh Bahagian Kurikulum yang boleh didapati dari buku-buku teks atau *repertoire* lagu dari barat untuk pembelajaran. Usaha ini telah dapat membantu pembelajaran muzik untuk meningkat penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar. Byrne dan Sheridan (2000), menyatakan bahawa, guru merasa janggal menggunakan genre muzik popular kerana mengandungi nilai-nilai negatif dari segi lirik dan muzik yang keras seperti heavy metal. Guru yang kreatif perlulah lebih terbuka dalam pemilihan bahan pengajaran. Sesebuah lagu boleh dieksploitasi dengan pelbagai cara seperti menggunakan aspek-aspek muziknya saja untuk pembelajaran. Penggunaan muzik popular sememangnya dapat membantu pembelajaran muzik. Ini disebut oleh Woody (2007) berkenaan dengan *music of our time* dan *popular teenage music* yang begitu dominan masa kini. Ini diperkukuhkan

lagi dengan kajian yang mendapati genre muzik popular telah menjadi pilihan pelajar berbanding muzik klasikal atau muzik etnik (Ang & Yeoh, 2000). Minat adalah satu aspek penting dalam pembelajaran kerana ia mampu merangsang keupayaan pelajar menguasai pelajaran.

Latihan untuk meningkatkan kemahiran mendengar adalah satu proses yang mana seseorang pemuzik belajar untuk mengenal pasti elemen muzik. Sejarah telah mencatatkan pengalaman seorang komposer terkemuka dalam sejarah muzik barat, iaitu, Ludwig Van Beethoven. Beliau memiliki alat pendengaran yang amat cekap dan mahir mendengar gubahan muzik yang kompleks (Reimer, 1997).

Oleh itu, kajian ini akan melihat kesan penggunaan muzik popular Melayu berbanding muzik lagu KBSM dalam meningkatkan kemahiran mendengar pelajar terhadap pembelajaran melodi. Subjek kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Muzik Tingkatan 2, di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Methodist, Tanjung Malim. Dalam kajian ini, 4 sesi pengajaran iaitu 2 sesi pengajaran bagi setiap aspek yang dikaji akan dilaksanakan. Setiap sesi pengajaran dijalankan adalah selama 35 minit. 36 orang pelajar akan terlibat sebagai sampel kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk Eksperimental kumpulan kawalan ujian pasca sahaja. Reka bentuk ini menggunakan dua kumpulan kajian iaitu rawatan dan kawalan. Data akan dianalisis menggunakan kaedah statistik inferens.

Ujian statistik iaitu Ujian t sample tidak bersandar digunakan untuk mengkaji perbezaan dalam pencapaian antara kumpulan kajian dan berdasarkan jantina, ujian statistik *One Way ANOVA* pula digunakan untuk mengkaji perbezaan dalam pencapaian kumpulan rawatan berdasarkan kaum dan akhir sekali analisis korelasi untuk menganalisis hubungan pencapaian ujian pasca kumpulan rawatan dengan pendapatan keluarga, aspek sikap, minat dan penilaian pelajar terhadap pengajaran

dan pembelajaran. Ujian pasca kemahiran mendengar akan dibina sendiri oleh pengkaji. Ia diubahsuai dari ujian kemahiran mendengar iaitu *Hevnest Test For Musicak Consepts* (Holloway, 2001). Pengajaran ini juga akan menggunakan Rancangan pengajaran harian yang dibina sendiri bersesuaian dengan objektif kajian dan akan melalui kajian rintis. Chua Yan Piaw (2006) menyatakan bahawa menjalankan kajian rintis adalah bertujuan untuk memastikan kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian yang bakal dijalankan.

1.3 Pernyataan masalah

Muzik sebagai seni aural tidak boleh digunakan secara berkesan sekiranya kemahiran mendengar tidak dibina dengan sebaiknya. Sebab ia berkaitan dengan persepsi, proses otak, ingatan, kefahaman, membanding beza dan menghargai (Haack, 1992).

Melalui pengalaman saya sebagai guru sekolah dan pensyarah di Institut Pendidikan Guru serta perbincangan dengan rakan guru yang mengajar muzik, pelajar sememangnya menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran mendengar. Machlis (1999) menyatakan bahawa muzik tidak boleh diterjemahkan sepenuhnya menggunakan perkataan, pendengaran perlu dilatih secara aktif. Minott (2008) dalam kajiannya pula telah mendapati kebanyakan pelajar-pelajar muzik gred 7 dan gred 9 di sekolah menengah masih lemah dari aspek kemahiran mendengar seperti mengecam dan membanding beza aspek-aspek yang berkaitan dengan elemen muzik.

Satu kajian yang membandingkan penggunaan teks berbanding penggunaan ikon untuk meningkatkan penguasaan jeda telah dijalankan. Bernice Mong Chuey Mei et al. dalam Ramona Mohd Tahir (2006) menyatakan bahawa, pelajar sememangnya menghadapi masalah dalam mengecam jeda. Ossmann (1996) pula menyatakan bahawa, pembelajaran jeda memerlukan usaha guru dan pelajar sendiri untuk

membina pendengaran yang baik atau *good ear* dalam kalangan pelajar. Oleh itu membina pendengaran yang muzikal perlulah diberi perhatian dalam setiap sesi pembelajaran muzik tidak kira tahap mana pembelajaran.

Selain itu, mempelajari kemahiran yang melibatkan pendengaran memerlukan usaha dan juga tumpuan yang tinggi. Pelajar perlu memberi fokus dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap sesuatu aspek yang dipelajari (Regelski, 1981). Kerana kurangnya penekanan pelajar kepada dua perkara di atas tadi, menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran mendengar yang melibatkan aspek mengecam, membanding beza dan menentukan jenis kontur dan jeda.

Selain wujud isu tentang masalah pemilihan bahan yang sesuai untuk pembelajaran kemahiran mendengar, perkara lain juga akan dikaji. Yang pertama adalah tentang perbezaan dalam pencapaian ujian kemahiran mendengar berdasarkan jantina pelajar. Rahaiza Ismail (2001), telah mendapati bahawa dari segi jantina, pelajar lelaki dan perempuan mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza secara signifikan dari aspek faktor emosi dan sosiologi. Riding dan Pearson (1994) dalam kajiannya mengenai perhubungan antara gaya kognitif dengan kecerdasan mendapati bahawa wujudnya interaksi yang signifikan antara jantina dengan pencapaian. Umumnya, pelajar perempuan mempunyai pencapaian yang lebih cemerlang berbanding dengan pelajar lelaki (Abdul Razak Ahmad, 1999).

Kajian ini juga akan mengkaji perbezaan pencapaian pelajar berdasarkan kaum. Beberapa kajian lepas telah mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara pencapaian berdasarkan kaum yang berbeza. Sebagai seorang pendidik perbezaan pencapaian antara kaum haruslah diminimumkan. Ini untuk memastikan semua kaum mendapat manfaat yang semaksimumnya dari pendidikan yang disediakan di negara kita.

Selain itu kajian ini juga akan mengkaji hubungan pencapaian ujian pos kumpulan rawatan berdasarkan pendapatan keluarga. Beberapa kajian telah menyebut tentang kesan faktor latar belakang ke atas pencapaian pelajar. Di Malaysia, kajian keciciran menunjukkan kedudukan sosial yang berbeza dan pengalaman hidup yang berbeza memberi peluang-peluang persekolahan yang berbeza (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1973). Kemiskinan membuat kanak-kanak tercicir daripada sekolah. Seterusnya kajian Haron (1977) menyatakan bahawa pengaruh status sosioekonomi terhadap pencapaian pendidikan dan akademik di kalangan kumpulan-kumpulan etnik di lokasi yang berbeza di Malaysia. Boocock (1972) menyatakan pengaruh-pengaruh pencapaian akademik seseorang murid termasuklah pengaruh persekitaran sosial keluarga seperti jenis keluarga, aspirasi keluarga, taraf pendidikan keluarga, jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga dan faktor keupayaan individu yang lahir dalam keluarga tersebut.

Pencapaian pelajar sering dikaitkan juga dengan sikap. Sikap negatif boleh menyebabkan pencapaian rendah dalam pembelajaran. Mengikut ahli psikologi sosial, sikap meliputi 3 komponen yang utama iaitu afektif, perilaku dan kognisi (Rajecki, 1989). Banyak kajian telah membuktikan tanpa sikap yang positif dalam pembelajaran ia pasti mempengaruhi pencapaian pelajar. Di antaranya adalah kajian Siti Rahayah (1988), berkenaan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran dengan pencapaian. Sikap dibentuk dari pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau fenomena (Robbin, 1986). Persepsi pelajar-pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran akan membentuk sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran boleh ditingkatkan sekiranya guru dapat memahami sikap pelajar terhadap mata pelajaran dipelajari.